

Dr M kongsi cara urus negara berbilang kaum

Rmk: 3

BH - 22/10/2019

Kuala Lumpur: Dr Mahathir Mohamad semalam berkongsi pendekatan beliau dalam mengurus sebuah negara berbilang kaum yang menjejutkan banyak pihak.

“Saya sentiasa menegaskan bahawa cara terbaik untuk memuaskankan hati sebuah negara berbilang kaum adalah dengan memastikan tiada sesiapa pun berasa gembira.

“Apabila anda cuba mengembirakan sesebuah kumpulan, ia cenderung untuk menjadikan pihak lain tidak gembira.

“Maka strategi terbaik adalah dengan memastikan tidak ada sesiapa pun berasa gembira, maknanya anda ambil sesuatu daripada setiap orang dan memberi semula sesuatu juga kepada setiap orang,” katanya menjawab soalan ketika sesi soal jawab pada Persidangan Praxis Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) 2019, di sini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu memastikan yang rakyat berpuas hati dengan dasar (menguruskan masyarakat

berbilang kaum) kerana Malaysia amat bergantung kepada kestabilan dan keamanan untuk terus maju.

Terdahulu dalam ucaptamanya, Dr Mahathir berkata Malaysia kini berusaha meningkatkan kerjasama dalam ASEAN bagi menampung impak perang perdagangan Amerika Syarikat (AS)-China.

Perang perdagangan antara dua ekonomi terbesar dunia itu katanya boleh melemahkan sistem perdagangan.

Oleh itu perniagaan perlu merancang dengan baik serta mengelak gangguan.

“Kita perlu bangunkan kapasiti dengan membangunkan daya saing. Kita mesti membangunkan syarikat bertaraf dunia kita sendiri yang mampu menyaingi pesaing.

“Satu cara mencapainya adalah dengan mengenal pasti aset dan keupayaan kita untuk memanfaatkan teknologi baharu, serta meningkatkan kualiti sumber manusia,” katanya.

BERNAMA



Kerajaan perlu memastikan yang rakyat berpuas hati dengan dasar (menguruskan masyarakat berbilang kaum) kerana Malaysia amat bergantung kepada kestabilan dan keamanan untuk terus maju.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri